

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 24.11.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 33

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) apakah punca utama penyambungan elektrik belum dapat disambung ke rumah-rumah panjang di sekitar Jalan Bakun lebih-lebih lagi rumah panjang tersebut terletaknya di Empangan Bakun berhampiran yang bertujuan menjana kuasa elektrik; dan
- (b) apakah punca utama bekalan elektrik masih tidak dapat disambung ke sesetengah rumah panjang walaupun kerja pemasangan meter elektrik dan pendawaian telah siap, contohnya di Rh. Robin Rodi kawasan Kemena, Bintulu.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Similajau ke Sg. Assap melibatkan pembinaan tali voltan tinggi 33kV sepanjang 83 km mula dilaksanakan oleh Kementerian pada bulan November 2011 telah dapat disiapkan pada 30 Oktober 2014. Projek bernilai RM66.45 juta ini melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 61 buah rumah panjang disepanjang Jalan Bakun melibatkan 1,359 buah rumah.

Kementerian mengakui bahawa pelaksanaan projek ini sedikit lewat disiapkan disebabkan masalah izin lalu yang dihadapi dengan syarikat perladangan KTS Plantation Sdn. Bhd. yang tidak membenarkan penanaman tiang elektrik melalui tanah mereka. Hasil daripada kerjasama Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, isu ini telah berjaya diselesaikan dan penduduk kampung termasuk di Rh. Robin Rodi dijangka akan mula menerima bekalan elektrik secara berperingkat-peringkat bermula dari 15 November 2014.